

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Menurut Awang Had (1989:82), "Bahasa Melayu yang dahulunya hanya layak menjadi bahasa buku-buku bacaan tahap rendah kini menjadi bahasa tesis, sarjana dan kedoktoran. Bahasa Melayu yang dahulunya hanya layak menjadi bahasa pengantar pendidikan untuk melahirkan 'pemandu-pemandu kereta lembu, penanam-penanam padi, nelayan-nelayan' sekarang menjadi bahasa pengantar pendidikan yang melahirkan doktor, ahli falsafah dan lain-lain seumpamanya."

Kenyataan ini memberi gambaran kepada kita tentang kepentingan bahasa Melayu pada abad ini. Walau bagaimanapun, kita kerap juga mendengar keluhan dan sungutan mengenai kelemahan penguasaan bahasa Melayu di kalangan murid-murid sekolah. Akhbar **Berita Harian** pada 24 Januari, 1979 telah mengetengahkan soal kegagalan sesetengah guru dalam menguasai bahasa Melayu yang akibatnya menggagalkan pula keupayaan murid-murid. Menurut Nik Safiah (1986:4), kadar penguasaan bahasa Melayu pada masa ini oleh murid-murid sekolah, pegawai-pegawai serta pemimpin, pihak media massa dan orang ramai jelas memperlihatkan penguasaan yang tidak memuaskan. Bukan sahaja

masih terdapat kesalahan-kesalahan yang menonjol dari segi sebutan, ejaan, tatabahasa dan semantik, tetapi keseluruhan gaya dan keberkesanannya juga tidak memuaskan. Bahasa yang digunakan bersifat kaku, tidak tepat dan gagal menyatakan sesuatu dengan jelas dan berkesan.

Awang Sariyan (1979:3) dalam kertas kerjanya bertajuk 'Tinjauan Umum Terhadap Pendidikan Bahasa di Sekolah Dasar' menekankan bahawa guru-guru yang mengajar bahasa Melayu mestilah diberi latihan dan teknik-teknik pengajaran terlebih dahulu. Beliau berpendapat bahawa kaedah pengajaran bahasa perlulah diberikan perhatian. Menurut Kassim Abbas (1983), bentuk komunikasi pengajaran tradisional yang menggunakan 'chalk and talk' serta bergantung pada buku tidak lagi menjamin keberkesanannya komunikasi pengajaran sebagai kaedah untuk menguji dan mencabar keupayaan fikiran, kebolehan dan daya imaginasi murid-murid. Walaupun pada dan ketika tertentu cara tersebut boleh digunakan, tetapi seringkali didapati menimbulkan kebosanan di kalangan murid-murid.

Pakar-pakar dan pengkaji-pengkaji komunikasi sering menganggap bahawa komunikasi mempunyai empat fungsi yang besar, iaitu komunikasi sebagai perpindahan maklumat, pelajaran, pemujukan dan hiburan (Mansor , Ramli, Shawaluddin, 1984: 8). Fungsi komunikasi dalam menyampaikan pelajaran ini berjalan sepanjang masa dan dalam semua masyarakat. Dalam masyarakat yang tidak boleh menulis dan membaca, pelajaran disampaikan

secara komunikasi lisan. Dalam masyarakat yang tinggi tamadunnya, pelajaran disampaikan dengan berbagai-bagai corak komunikasi termasuklah komunikasi massa untuk menyampaikan mesej-mesej pelajaran, pengetahuan dan pelbagai maklumat.

Penggunaan media massa dalam pengajaran merupakan satu alternatif kepada guru-guru bahasa Melayu ke arah pengajaran yang lebih berkesan. Kaedah pengajaran menggunakan media cetak, khususnya, telahpun diamalkan di Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara barat yang lain lebih tiga puluh tahun dahulu. Bekas Menteri Pelajaran, YB Dato' Abdullah Ahmad Badawi (John Pillai, 1986) turut berpendapat:

"I therefore feel the people involved in education should give this idea, Newspaper in Education, a chance to succeed... the numerous article and items in the newspaper will broaden the students' outlook and help produce a better citizen."

Maimunah Mohamed (**Berita Harian**: 7/9/84) seorang guru di Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman, melalui pengalamannya sebagai seorang guru bahasa Inggeris, telah mengatakan:

"I find that the various articles, news items, advertisement and pictures that appear daily in the NST can be utilised as effective teaching and learning materials for various subjects"

Menurut Puan Norlin (**Dewan Siswa**, Mac 1992:7), iaitu seorang guru yang mengajar bahasa Melayu, tingkatan lima di Sekolah Menengah Parit Sulung, Batu Pahat, sejak menggunakan majalah sebagai alat bantu semasa mengajar BM di dalam kelas, prestasi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi kertas bahasa Melayu murid-muridnya telah mencapai kelulusan sehingga ke tingkat 90 peratus. Antara pelajar yang berjaya termasuklah 78% daripadanya, pelajar bukan Melayu yang kurang fasih dalam bahasa Melayu.

Seorang bekas pensyarah di Universiti Malaya, Dr. Marimuthu (**Sunday Star** 27/6/93) berpendapat cara yang terbaik untuk meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Melayu ialah dengan membaca buku-buku, majalah dan bahan-bahan yang lain dalam bahasa Melayu.

Di samping itu, seorang guru bahasa daripada Bloomington, Minn. menyatakan beliau sentiasa menggunakan akhbar untuk mengajar bahasa kerana beliau mendapati:

"The newspaper is the most immediate and logical way to extend and enrich basic reading, math and language skills"  
(Unesco, 1987: 77)

Alfred J. Wilson, seorang guru besar di sebuah sekolah rendah di Granite City, Amerika Syarikat juga menggalakkan guru-guru di sekolahnya menggunakan akhbar sebagai alat bantu semasa mengajar di bilik darjah. Pada

pandangan beliau, penggunaan akhbar dalam pengajaran dapat memberikan sumber maklumat yang terkini dan menolong menceriakan suasana di bilik darjah tetapi keberkesannya bergantung kepada kemahiran seseorang guru mengendalikannya:

“... up-to-date reinforcement for a textbook...The newspaper is the closest thing we have to an educational panacea in the hands of the proper teacher”

(**Patriot-News**, 17/8/74: 5 - 8).

Kenyataan beliau turut disokong oleh Koh (1989:195) yang berpendapat penggunaan petikan daripada akhbar dan majalah merupakan ransangan yang memikat murid-murid untuk belajar bahasa Melayu jika petikan-petikan itu dipilih dengan teliti dan cekap oleh guru bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, dalam strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah mewajibkan guru-guru menggunakan sumber seperti akhbar, majalah dan kamus serta bahan ilmu dan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu, seperti ternyata daripada petikan berikut:

“Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah dan kamus serta bahan ilmu dan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, dan juga untuk bacaan luas.”

(**Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia**, 1989:5)

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa penggunaan akhbar dan majalah dalam mengajar bahasa di bilik darjah memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa.

## **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Menurut laporan Awang Had (Mohd. Amin Arshad, 1984), sebanyak 84.9% guru-guru mengakui bahawa mereka tidak pernah atau jarang menggunakan potongan akhbar dan komik untuk dijadikan bahan pengajaran. Hanya 10.5% sahaja guru yang pernah menggunakan akhbar untuk membincangkan hal-hal semasa dengan murid-murid. Kenyataan ini menunjukkan penggunaan akhbar dan komik sebagai alat bantu dalam pengajaran di sekolah-sekolah amatlah terbatas.

Dari segi yang lain, jikalau kita melihat perkembangan media cetak dalam negara kita, jelas kelihatan perkembangan yang pesat dan membanggakan. Terdapat sebanyak 72 buah akhbar harian dan mingguan dan sebanyak 69 buah majalah dalam bentuk mingguan, bulanan dan tahunan diterbitkan di negara kita pada tahun-tahun sembilan puluhan ini. Keadaan ini jelas menunjukkan ketidakseimbangan antara perkembangan media cetak berbanding dengan penggunaannya yang masih terbatas sebagai bahan pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah di sekolah-sekolah dalam negara ini.

Rahimah dan Koh (1981:5) mendapati bahawa pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah kerap kali merupakan sesuatu yang membosankan. Oleh itu, mereka menyarankan guru-guru supaya mempelbagaikan sumber-sumber pengajaran (baik dari segi bahan yang hendak diajar mahupun alat bantuan mengajar), dan mempelbagaikan pendekatan dan teknik mengajar.

Mohd. Hilmi (1982: 61) mengatakan bahawa ramai guru hanya bergantung kepada buku-buku teks dalam pengajaran mereka, dan mereka segera mahu menamatkan sukanan pelajaran kerana hendak memastikan pelajar-pelajar mereka bersedia menghadapi peperiksaan yang sudah tentu berdasarkan sukanan pelajaran. Akibatnya, pelajar-pelajar tidak mampu menguasai kemahiran bahasa dengan baik.

Kenyataan Mohd. Hilmi ini bersamaan dengan pendapat Asiah Abu Samah (**Berita Harian** 10/12/91) yang kurang puas hati dengan sikap guru yang mengajar berpandukan buku teks dan buku kerja KBSR semata-mata. Pada pandangan beliau ini merupakan salah satu punca kemerosotan pencapaian KBSR dan UPSR. Ini mengakibatkan juga mutu pendidikan tidak dapat berkembang luas.

**Pencapaian para pelajar juga kurang memuaskan dalam mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat SRP, SPM dan STPM. Pada tahun 1980 misalnya,**

keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah mengejutkan masyarakat kerana:

“ ... 5000 orang pelajar Melayu gagal mendapat pangkat pertama semata-mata kerana gagal mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Melayu....”

(**Dewan Bahasa Mei**, 1981: 2)

Pencapaian 86% dalam peperiksaan bahasa Melayu SPM 1991 pula memperlihatkan kemerosotan sebanyak 0.9 peratus, berbanding dalam tahun 1990. Keputusan peperiksaan bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 1991 juga turut merosot sebanyak 0.05 peratus berbanding dengan keputusan tahun sebelumnya. Tentulah kita dapat membayangkan nasib sebilangan para pelajar yang gagal tersebut, kerana tanpa kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Melayu, mereka tidak akan dapat melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan ataupun memasuki institusi-institusi pengajian tinggi atau menjawat jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam.

Sehubungan dengan itu, Lembaga Peperiksaan Malaysia diminta menganalisis secara terperinci punca sebilangan calon peperiksaan SPM tahun 1992 yang memperoleh keputusan cemerlang bagi beberapa mata pelajaran tetapi hanya mendapat pangkat dua setelah gagal mendapat kepujian dalam kertas bahasa Melayu (**Dewan Masyarakat**, 1993: 50). Masalah ini adalah serius sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar **Sunday Star**:

"The fact is the number of candidates who would have scored Grade One but for Bahasa dramatically doubled two years ago. In 1990, only 2.2 per cent (or 3,670) of SPM candidates fell short of Grade One because of BM. However, this figure doubled to 4.3 per cent (or 7,361 candidates) the following year and remained much the same at 4.1 percent (or 7,066 candidates) last year."

(Sunday Star, 27/6/93 hal:23)

Keputusan-keputusan peperiksaan di atas membuktikan kelemahan calon-calon yang terbabit dalam menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Seorang pelajar Melayu sendiri pernah membuat pengakuan berikut:

"I have just written my first article in the language that's supposed to be my mother tongue, and the writing process was one of the most difficult I have ever gone through....even though I spent 11 years in the Malay medium government school system....and I don't think I'm alone in saying this."

(NST, 10/6/92)

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979:210) mendapati ramai pelajar tidak begitu gemar membaca dan ini menjadi masalah yang besar dewasa ini. Kajian oleh Safiah Osman mendapati sebanyak 15% pelajar membaca kurang sejam sehari, 50% pelajar menggunakan masa untuk membaca antara satu hingga dua jam sehari, 25% membaca selama 2 hingga 3 jam sehari dan hanya 14 % membaca lebih daripada 3 jam sehari.

Berdepan dengan masalah-masalah di atas, ada pihak-pihak tertentu yang menyalahkan guru-guru sekolah. Sebagaimana yang dikeluhkan oleh Ibrahim Salleh, iaitu seorang koordinator di Pusat Pengajian Bahasa, UPM, " ... the weakness of a student follows logically from the weakness of the teacher". (**Sunday Star**, 27/6/1993). Luahan ini mempunyai persamaan dengan pandangan Paullias dan Young (1982), yang percaya bahawa guru adalah segalanya, iaitu penentu kepada pembelajaran murid-murid. Ini turut disokong oleh Clark (1979:232) yang berpendapat bahawa sikap dan pemikiran guru terhadap profesionnya boleh menentukan kejayaan sesuatu pembelajaran.

Oleh itu, sudah tiba masanya kaedah pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah dikaji semula. Kerjasama guru adalah penting bukan sahaja untuk kejayaan murid di dalam peperiksaan, malah untuk menyemai kesedaran dan minat dalam mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih menggalakkan lagi.

### **1.3 TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian adalah untuk meninjau sejauh manakah akhbar dan majalah sebenarnya diperlukan dan digunakan sebagai alat bantu dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah. Ini boleh dikesan daripada jumlah dan kekerapan guru menggunakanannya.

Keduanya, tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis kemahiran bahasa (mendengar dan bertutur, membaca, kefahaman dan menulis dan aspek tatabahasa) yang boleh diajarkan melalui penggunaan akhbar dan majalah. Ini boleh diketahui dengan melihat jenis dan kekerapan kemahiran yang diajarkan melalui penggunaan bahan akhbar dan majalah.

Di samping itu, kajian ini bertujuan meninjau aspek perbahasan, iaitu akhbar dan majalah itu sendiri. Dua perkara akan ditekankan dalam aspek ini, iaitu melihat akhbar dan majalah yang paling popular dan kerap digunakan oleh guru (contoh **Berita harian, Watan, URTV** dll.) dan apakah ruangan-ruangan di dalam akhbar dan majalah (contoh berita, rencana, kartun dll.) yang kerap digunakan untuk tujuan pengajaran.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesesuaian dan kekerapan guru menggunakan bahan sastera yang terdapat di dalam akhbar dan majalah untuk mengajar bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Ini adalah penting, kerana pengajaran sastera adalah diwajibkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, sekurang-kurangnya satu waktu dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Dalam hal ini, kajian bertujuan untuk menemukan jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- (a) Berapa banyakkah bahan sastera yang terdapat dalam buku teks

- (b) Apakah jenis bahan sastera yang terdapat dalam buku teks dan apakah kekerapannya.
- (c) Apakah sumber bahan sastera dalam buku teks
- (d) Dalam buku teks bagi sesuatu tingkatan, apakah sumber bahan sastera yang paling kerap digunakan dan apakah sebabnya
- (e) Apakah jenis-jenis kemahiran bahasa yang terlibat dan apakah Kekerapannya

Bahagian 2 pula cuba menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

- (a) Berapa ramaikah guru yang menggunakan bahan sastera di luar buku teks
- (b) Apakah jenis bahan sastera dalam akhbar dan majalah yang digunakan oleh guru dan apakah kekerapannya
- (c) Apakah bangsa murid, dan apakah kaitan bangsa murid dengan kekerapan guru menggunakan bahan sastera dalam akhbar dan majalah
- (d) Guru tingkatan manakah yang banyak gunakan bahan sastera dalam akhbar dan majalah
- (e) Sejauh manakah pengalaman mengajar guru, dan apakah kaitan antara pengalaman mengajar dengan penggunaan bahan sastera
- (f) Apakah minat guru terhadap pengajaran bahasa dan apakah kaitannya dengan penggunaan bahan sastera
- (g) Berapa ramaikah guru yang pernah menghadiri bengkel ADD dan apakah kaitan antara kehadiran dengan penggunaan bahan sastera

- (h) Apakah kekerapan penggunaan (oleh guru), bahan sastera di bilik darjah, dan apakah sebab-sebab penggunaannya
- (i) Apakah masalah-masalah guru dalam penggunaan bahan sastera di bilik darjah
- (j) Apakah sumber-sumber bahan sastera yang guru gunakan serta kekerapannya mengikut tingkatan
- (k) Apakah jenis-jenis kemahiran bahasa yang diajarkan oleh guru yang menggunakan bahan sastera
- (l) Apakah jenis-jenis aktiviti bahasa yang melibatkan penggunaan bahan sastera, dan apakah cara penyampaiannya
- (m) Apakah pandangan guru terhadap sambutan murid dalam penggunaan bahan sastera di bilik darjah
- (n) Apakah bahan sastera di dalam akhbar dan majalah yang sesuai digunakan untuk semua murid, iaitu murid-murid yang pencapaian akademiknya lemah, sederhana dan pandai

Selain itu, kajian turut bertujuan untuk meninjau teknik-teknik guru menggunakan akhbar dan majalah untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah. Secara tidak langsung, analisis kajian akan menunjukkan keseragaman atau ketidakseragaman cara-cara menggunakannya di antara seorang guru dengan guru yang lain.

Turut menjadi matlamat kajian ialah melihat korelasi (kaitan) di antara kekerapan penggunaan bahan dengan faktor-faktor tertentu seperti minat dan pengalaman mengajar, bangsa murid dan lain-lain.

Turut menjadi objektif kajian ialah usaha untuk meninjau kekerapan dan pola-pola penggunaan bahan-bahan akhbar dan majalah di dalam buku teks bahasa Melayu, iaitu teks tingkatan 1,2,3,4 dan 5.

Terdapat satu tujuan sampingan kajian, iaitu untuk meninjau persepsi pelajar terhadap penggunaan akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa Melayu oleh guru-guru di bilik darjah.

Selain itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengenalpasti faktor-faktor penolak dan penarik yang menyebabkan guru memilih untuk menggunakan atau tidak menggunakan bahan akhbar dan majalah.

Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk menentukan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru semasa menggunakan bahan-bahan akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah.

#### **1.4 HIPOTESIS-HIPOTESIS**

Hipotesis-hipotesis berikut digunakan sewaktu menjalankan kajian ini:

- (1) bahawa bahan akhbar dan majalah digunakan dalam buku teks bahasa Melayu bagi mengajar keempat-empat kemahiran bahasa ( mendengar dan bertutur, membaca dan memahami, menulis) dan aspek tatabahasa.
- (2) Bahawa kekerapan penggunaan bahan akhbar dan majalah dalam buku teks yang dihasilkan oleh berlainan penerbit berbeza-beza.
- (3) bahawa akhbar dan majalah boleh digunakan oleh guru-guru semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.
- (4) bahawa ramai guru yang mengajar bahasa Melayu mulai menggunakan akhbar dan majalah sebagai alat bantuan mengajar (ABM) semasa mengajar bahasa Melayu di dalam bilik darjah.
- (5) bahawa terdapat unsur-unsur berkaitan (korelasi) seperti minat mengajar, kursus yang dihadiri (seperti kursus Akhbar Dalam Darjah (ADD), Majalah Dalam Kelas (MDD), Teknologi Pendidikan dan lain-lain), taraf ekonomi ibu bapa murid dan lain-lain yang mempengaruhi kekerapan guru menggunakan akhbar dan majalah. Diandaikan bahawa:
  - (a) Guru yang mengajar bahasa Melayu kerana minat lebih kerap menggunakan akhbar daripada guru yang mengajar kerana terpaksa.
  - (b) Guru yang pernah menghadiri bengkel ADD dan MDK lebih kerap menggunakan akhbar pernah terdedah kepada bengkel-bengkel berkenaan kerap pula beliau menggunakan akhbar dan majalah.

- (6) bahawa pengajaran bahasa Melayu dengan menggunakan akhbar dan majalah dapat menghilangkan kebosanan murid-murid.
- (7) bahawa pengajaran bahasa Melayu menggunakan akhbar dan majalah dapat menghidupkan suasana di dalam kelas, murid-murid menjadi aktif dan berlakunya komunikasi dua hala antara guru sebagai penyampai dan murid sebagai penerima.
- (8) bahawa murid-murid berminat dan suka guru menggunakan akhbar dan majalah sewaktu mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.
- (9) bahawa bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah boleh digunakan untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.
- (10) bahawa guru tidak kerap menggunakan akhbar dan majalah dalam pengajaran sesuai dengan peranannya, iaitu sebagai alat bantu sahaja.
- (11) bahawa penggunaan akhbar dan majalah sebagai alat bantu dalam pengajaran bahasa Melayu masih baru dan teknik penggunaannya adalah tidak seragam antara seorang guru dengan guru yang lain.
- (12) bahawa kepelbagaiannya isi, kandungan dan ruangan di dalam akhbar dan majalah memberi banyak pilihan kepada guru-guru untuk menggunakanannya dalam mengajar semua aspek kemahiran bahasa.
- (13) bahawa bahan-bahan berbentuk rencana dan berita mendapat perhatian utama guru-guru.
- (14) bahawa guru-guru menghadapi masalah-masalah tertentu semasa menggunakan akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa di bilik darjah.

- (15) Bahawa bahan-bahan sastera di dalam akhbar dan majalah boleh digunakan untuk mengajar bahasa Melayu di bilik darjah.

## 1.5 RASIONAL KAJIAN

Dalam kajian ini, rasional berikut menjadi pegangan:

- (1) Akhbar dan majalah merupakan media yang paling murah dan senang didapati.
- (2) Akhbar dan majalah merupakan alternatif baharu kepada guru-guru untuk mengajar bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan menyeronokkan. Keistimewaan akhbar dan majalah boleh dibahagikan kepada empat:
  - (i) Memaparkan isu-isu semasa dan terbaru.
  - (ii) Menghubungkan para pelajar dalam bilik darjah dengan dunia luar.
  - (iii) Menarik minat murid-murid dan mengelakkan kebosanan.
  - (iv) Menyajikan kepelbagaiannya isi kandungan seperti ruangan cerpen, puisi, profil, berita-berita tempatan dan luar negeri.
- (3) Berlakunya kemajuan dan perkembangan yang pesat dalam media penerbitan berbahasa Melayu di negara kita pada masa kini. Terdapat pelbagai jenis akhbar dalam aneka bentuk dan corak untuk memenuhi selera para pembaca tanah air.
- (4) Perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu yang makin meluas pada masa sekarang. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama

di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Bahasa Melayu telah digunakan untuk menulis latihan ilmiah, tesis sarjana dan kedoktoran, dalam bidang undang-undang, perubatan dan sebagainya.

- (5) Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita. Bahasa Melayu merupakan bahasa perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

## 1.6 KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini melibatkan tiga kaedah kajian, iaitu kajian menggunakan borang soal selidik, temubual, dan kajian perpustakaan.

Kajian berbentuk tinjauan menggunakan borang soal selidik dilakukan untuk memperoleh maklumat berkenaan penggunaan akhbar dan majalah di dalam bilik darjah daripada guru-guru. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik adalah seperti yang terdapat dalam Lampiran 1. Antara aspek-aspek yang diberi penekanan dalam borang soal selidik ialah sebab-sebab guru menggunakan akhbar dan majalah dalam pengajaran bahasa Melayu, teknik penggunaan, jenis-jenis kemahiran bahasa yang terlibat dan masalah-masalah yang dihadapi semasa penggunaannya. Borang soal selidik menggunakan soalan-soalan yang berbentuk terbuka, tertutup dan aneka pilihan. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu bahagian penggunaan majalah dan bahagian penggunaan akhbar. Sekiranya guru menggunakan kedua-dua bahan,

iaitu akhbar dan majalah, guru dikehendaki mengisi dua bahagian, iaitu bahagian penggunaan majalah dan bahagian penggunaan akhbar. Dalam keadaan ini, analisis dibuat berdasarkan jawapan dan bukan bilangan guru.

Kaedah temu bual pula digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci dan lengkap daripada mereka, terutamanya soalan-soalan tambahan dan huraian-huraian yang tidak terdapat dalam borang soal selidik.

Kaedah perpustakaan adalah bagi tujuan mendapatkan maklumat daripada pembacaan dan tinjauan terhadap kajian-kajian yang lepas.

Kajian luar dijalankan lebih kurang tujuh iaitu dari bulan Ogos hingga September 1992 dan pada bulan Januari hingga Mei 1993. Kajian dihentikan pada masa cuti persekolahan.

Data-data yang dikutip dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan untuk menganalisis data ialah program Pekej Statistik Sains Sosial versi PC+ (SPSS, 1988). Data-data yang dianalisis hanyalah data-data yang menepati jawapan, lengkap dan berkaitan dengan tujuan kajian sahaja.

## **1.7 ALAT KAJIAN**

Alat dalam kajian ini melibatkan borang soal-selidik dan buku teks.

## **1.8 PEMILIHAN RESPONDEN**

Pertama, responden terdiri daripada guru-guru sekolah. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ialah guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di tingkatan satu hingga lima di sekolah-sekolah di sekitar Lembah Klang. Sekolah-sekolah ini mempunyai satu atau beberapa ciri yang berikut: Sekolah biasa, sekolah berasrama penuh, sekolah yang terdiri daripada murid-murid pelbagai kaum, sekolah campuran, sekolah perempuan atau lelaki sahaja, sekolah yang murid-muridnya berlatarbelakang taraf ekonomi tinggi, sederhana dan rendah. Kepelbagaian dalam jenis-jenis sekolah yang dipilih disengajakan untuk melihat korelasi, iaitu kaitan kekerapan penggunaan dengan latar belakang taraf sosio ekonomi murid, bangsa murid dan lain-lain (jika ada).

Sekolah-sekolah yang dipilih sebagai responden kajian diandaikan dapat mewakili sekolah-sekolah lain kerana menggunakan sukanan pelajaran bahasa Melayu, jumlah waktu pengajaran bahasa Melayu, umur murid dan kelulusan guru-gurunya yang sama dengan sekolah-sekolah lain. Keistimewaan sekolah yang terbabit dalam kajian ialah letaknya dalam kawasan bandar; oleh itu diandaikan tiada masalah untuk mendapatkan bekalan akhbar dan majalah,

malahan berhampiran pula dengan syarikat-syarikat penerbitan akhbar dan majalah yang pelbagai di ibu kota.

Sebanyak 300 borang soal-selidik diedarkan di 20 buah sekolah tetapi hanya 148 borang soal selidik daripada 14 buah sekolah sahaja didapati sesuai digunakan untuk tujuan penganalisaan data. Di bawah ini ialah senarai nama-nama sekolah yang berkenaan dan bilangan guru yang terlibat dalam kajian.

#### **Senarai nama-nama sekolah dan bilangan guru yang terlibat dalam kajian**

<b>Nama Sekolah</b>	<b>Bil. guru</b>
1. SM Pantai, Lembah Pantai, KL	6
2. SM Confucian, Jalan Hang Jebat, KL	10
3. SM Khatolik, Jln. Gasing, PJ	11
4. SM Sultan Abdul Samad, Jln. Universiti	7
5. SM Taman Sea, SS21, PJ	15
6. SM Seaport, SS2,PJ	13
7. SM Kelana Jaya, PJ	5
8. SM (P) Petaling, Old Town, PJ	13
9. SM (L) Bukit Bintang, PJ	9
10. SM Sultan Salehudin, Shah Alam	6
11. SM Damansara Jaya, PJ	13
12. SM Taman Medan, Jln Kelang Lama	18
13. SM Wangsa Maju,Setapak, KL	12
14. SM Alam Shah, Cheras, KL	10
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>

Kedua, responden kajian sampingan terdiri daripada 100 orang murid. Tujuan utama pemilihan sampel sampingan adalah untuk menguji hipotesis yang

menyatakan bahawa murid-murid suka dan berminat apabila guru menggunakan akhbar dan majalah semasa mengajar bahasa Melayu di bilik darjah. Contoh soalan-soalan yang dikemukakan adalah seperti dalam Lampiran 2. Murid-murid yang dipilih terdiri murid-murid di sekolah-sekolah yang termasuk dalam kajian. Ini melibatkan murid-murid tingkatan satu, dua dan empat. Murid-murid tingkatan tiga dan lima tidak dipilih sebagai sampel kerana tidak digalakkan oleh Kementerian Pendidikan dan tidak ingin menganggu tumpuan mereka terhadap pelajaran (mereka akan menempoh peperiksaan SRP dan SPM).

Ketiga, bahan kajian ialah buku teks bahasa Melayu yang digunakan oleh guru-guru di sekolah. Kajian ditumpukan terhadap halaman-halaman tertentu sahaja, iaitu halaman-halaman yang memuatkan keratan akhbar dan majalah sama ada dipetik secara terus daripada akhbar dan majalah tempatan ataupun unsur-unsur akhbar dan majalah yang dikarang sendiri oleh pengarang buku teks berkenaan.

Buku teks yang dipilih sebagai sampel kajian ialah buku teks bahasa Melayu terbitan **Dewan Bahasa dan Pustaka** melibatkan teks tingkatan satu hingga lima, buku teks **Sasbadi** (tingkatan satu dan dua) dan **Delta** (teks tingkatan satu dan dua).

## **1.9 KONSEP-KONSEP**

Berikut ialah beberapa konsep penting yang kerap digunakan dalam kajian ini.

### **Penggunaan**

Penggunaan bermaksud sebagai pemakaian sesuatu (Teuku Iskandar, 1970:332). Menurut Kamaruddin Husin (1988:1), dalam konteks pengajaran bahasa Melayu, bahan ialah faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran dan pengajaran, menimbulkan keinginan pelajar-pelajar untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran menarik. Oleh itu, sebelum digunakan, pemilihan perlulah dibuat agar bahan yang digunakan adalah bahan yang sesuai dan menarik, menepati kurikulum dan bahan-bahan mengikut model yang ditetapkan (Borhan Md. Zain, 1991).

Dalam kajian ini penggunaan yang dimaksudkan ialah penggunaan bahan-bahan akhbar dan majalah untuk tujuan:

- pengajaran bahasa Melayu sahaja
- pengajaran di dalam bilik darjah sahaja

### **Akhbar**

Mengenai definisi akhbar, Mohd. Taib Osman (1964) menganggap sesebuah bahan itu sebagai akhbar sekiranya bahan itu memuatkan berita-berita terakhir, di dalamnya diberikan kepentingan terhadap berita bukannya rencana dan anggapan penerbit itu sendiri sama ada bahan penerbitannya sebagai surat

khabar ataupun majalah. Bagi Kleinsfield (1979:50) pula akhbar ialah bahan yang isi kandungannya terdiri daripada gabungan iklan, laporan mengenai hiburan, sukan, pendapat, data dan Jadual (rancangan televisyen, harga pasaran saham dan lain-lain), berita-berita luar negeri dan isu-isu hangat dalam negeri. Sesebuah akhbar yang baik menurut Edgar Dale (1962:197) ialah akhbar yang memainkan peranannya seperti berikut:

1. to report the news accurately, interestingly,
2. interprets the news - to bring to light the hidden facts, to set a picture of reality on which men can act,
3. to comment and editorialize upon the news, business transactions (advertising),
5. to help solve business, recreation, family, and other problem,
6. to entertain, to amuse, and to give enjoyment.

## **Majalah**

Menurut Mogel (1981:13), keistimewaan majalah berbanding dengan media massa yang lain ialah majalah memberi tumpuan (pengkhususan) kepada satu-satu bidang sahaja dan membincangkannya dengan lebih mendalam. Majalah juga mampu menjalankan fungsinya sebagai pembimbing masyarakat kerana khayalak pembacanya amat besar dan luas (Robert C. O'Hara, 1962:2). Umumnya terdapat lima jenis majalah berbahasa Melayu di Malaysia.

Bagi Evelyn dan Mary (1962:171), majalah yang baik mestilah mempunyai ciri-ciri berikut:

1. mengandungi gambar foto dan berwarna,
2. menggunakan kertas berkualiti.

3. Saiz huruf tidak terlalu kecil, ruangan tidak terlalu padat bagi setiap muka surat, cetakan mestilah terang dan reka bentuk adalah menarik dan kemas.
4. Laporan, rencana dan berita yang ditulis mestilah benar, tepat dan berdasarkan fakta-fakta yang sahih, ditulis dalam bahasa baku dan disertakan nama penulis atau pengarang.
5. Iklan yang disiarkan hendaklah menarik dari segi ilustrasi dan reka bentuk, tidak sensasi, memberikan keterangan yang benar dan berwarna.

### **Alat Bantu Mengajar (ABM)**

Menurut Atan Long (1982:174) alat bantu mengajar (ABM) ialah alat-alat yang menyokong penyampaian pembelajaran. Kamaruddin Hj. Husin (1986:236) pula mentaksirkan ABM sebagai,

"...segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran di bilik darjah. Alatan mengajar ini tidak terhad kepada buku teks, papan hitam dan gambar-gambar sahaja, tetapi merangkumi segala benda yang digunakan dalam pengajaran yang boleh dilihat, didengar, dipegang, dihidu, dibaca, dikisahkan dan sebagainya."

Sharifah Alwiah Alsagoff (1986:329) pula berpendapat bahawa ABM ialah media. Pendapat ini sejajar dengan teori komunikasi Berlo (1960) yang menganggap media sebagai saluran untuk menyampaikan mesej.

Noraziah Abd. Hamid (1981:2) mengaitkan ABM sebagai alat yang digunakan bertujuan untuk menambah kelancaran perhubungan antara guru

dengan pelajar dan sesama pelajar, serta membantu mempercepatkan proses pemahaman mereka. Oleh itu, penggunaan ABM boleh menimbulkan ransangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam akan sesuatu aspek pengajaran (Mat Nor Hussin dan Ab. Rahman, 1988:1).

Dalam kajian ini, taraf penggunaan bahan akhbar dan majalah diandaikan sebagai ABM (sokongan). Ini bermakna buku teks masih dianggap memainkan fungsi sebagai bahan utama.

### **Pengajaran**

Menurut Arbak Othman (1985:1), pengajaran merupakan suatu aktiviti yang dirancang oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada pelajar-pelajarnya dalam satu suasana yang dipanggil bilik darjah. Pengajaran juga boleh dilakukan melalui media dengan syarat media yang dipilih mestilah mempunyai ciri-ciri kesesuaian, kredibiliti dan kemaskini dari segi fizikal dan format (Romiszoosk, 1964:75).

Dalam kajian ini, pengajaran yang dimaksudkan ialah pengajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah oleh guru dengan bantuan ABM, iaitu akhbar dan majalah.

### **Kemahiran Bahasa**

Penguasaan bahasa ialah penguasaan kemahiran. Umumnya, terdapat empat kemahiran bahasa yang diajarkan kepada murid, iaitu kemahiran

mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran bahasa dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti-aktiviti kemahiran bahasa seperti yang terkandung dalam sukan pelajaran.

#### (i) Kemahiran Lisan

Kemahiran lisan ialah kemahiran asas yang terdiri daripada kemahiran mendengar dan bertutur. Terdapat integrasi yang rapat antara kedua-dua kemahiran ini (Kamaruddin Husin, 1986:133). Kemahiran lisan juga meliputi kemahiran membaca. Membaca (Mariam Buyung, 1986: 216) ialah satu proses mengenal dan menterjemahkan simbol bertulis atau bercetak kepada bunyi-bunyi suara dan memahami makna yang terkandung di dalamnya. Menurut beliau, proses membaca sangat rumit.

Terdapat hubungan yang rapat antara membaca dan kefahaman. Marohaini Yusof (1989:4) berpendapat bahawa setiap perlakuan membaca mesti dapat menghasilkan kefahaman pada pihak pembaca dan tidak memadai setakat dapat mengecam dan menyebut perkataan-perkataan. Durkin (Marohaini, 1989:5) mengatakan seseorang yang membaca tanpa memahami apa yang dibacanya tidak dapat dianggap melakukan proses pembacaan, sebaliknya menyebut perkataan-perkataan sahaja. Tay (1986:220) mentakrifkan bacaan dan kefahaman sebagai,

"...kemampuan kita mengecam idea (tema) utama daripada petikan yang dipilih dan kemudian kita menceritakan semula tentang idea itu dengan menggunakan perkataan kita sendiri"

Henry (1979) membahagikan membaca kepada tiga jenis, iaitu membaca nyaring, membaca sekilas (skimming) dan membaca intensif.

### (ii) Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merupakan satu proses untuk menyampaikan buah fikiran, idea atau pendapat dengan tepat dan berkesan kepada khayalak atau pembaca dengan menggunakan bentuk grafik (Raminah, Juriah, Sofia, 1990:180). Gerak kerja yang penting dalam kemahiran menulis ialah karangan.

Koh (1985) pula berpendapat mengarang ialah proses melahirkan satu idea atau satu rangkaian idea dalam bentuk tulisan secara tersusun dan logik. Dari segi kepanjangannya, karangan boleh merupakan satu ayat, perenggan atau satu makalah panjang. Dari segi isi pula, penulisan atau karangan meliputi surat kiriman, minit mesyuarat, nota ringkas, cerita, laporan, iklan dan sebagainya.

### (iii) Aspek Tatatabahasa

Aspek tatatabahasa (Mat Nor, Normah dan Marzukhi, 1989:43) ialah satu unsur yang wujud dalam tiap-tiap kemahiran bahasa. Tatatabahasa tidak dapat diasinkan sebagai satu bahagian yang tersendiri, sebaliknya sebaik-baiknya diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti bahasa supaya kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dapat dikembangkan.

" Hal yang penting dalam pelajaran tatabahasa bukan pengetahuan dan penghafalan imbuhan dan sebagainya tetapi kebolehan pelajar-pelajar menggunakan tatabahasa dalam konteks dan situasi yang berlainan, sesuai dan tepat pada tempatnya."

(Mat Nor, Normah dan Marzukhi, 1989:43)

Kemahiran tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang untuk ketepatan berbahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990:14). Walaupun kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis tetapi aspek-aspek sebutan, intonasi dan semantik perlu juga ditekankan dalam kecekapan berbahasa.

### Sastera

Robert Lado (1980:208) mentakrifkan sastera sebagai "penulisan dalam satu bahasa yang mencapai taraf yang tinggi melalui keindahan penyataan atau fikiran atau kedua-duanya".

Karya sastera haruslah mempunyai manfaat tertentu (Hashim Awang, 1989) dan bukannya selakat menonjolkan ekspresi kosong (Abdul Ahmad, 1992:21). Di kalangan pelajar, bahan-bahan sastera dapat digunakan untuk menghibur, memupuk minat membaca dan memperkuuh daya pemahaman terhadap bahan yang dibaca (Koh, 1989; Rahman Shaari, 1990), dan menanam nilai-nilai murni (Henry Guntur, 1979; Ismail Ahmad, 1982; Koh, 1994) sekaligus menyempurnakan akhlak manusia (Woodberry 1961:1).

Hubungan antara sastera dan bahasa sangatlah rapat ( Wellek dan Warren, 1963:22; Fisher dan Terry, 1982: 294; Koh, 1986:643; Nik Safiah, 1985) dan kedua-duanya saling bantu-membantu. Nik Safiah (1985) menegaskan:

" Bahasa dan kesusasteraan tidak boleh dipisahkan, apatah lagi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, kedua-duanya saling membantu. Pengukuhan ciri-ciri bahasa dapat dihasilkan melalui karya sastera, terutama karya-karya yang benar-benar memperlihatkan keupayaan dan potensi bahasa itu."

(Nik Safiah Karim, 1985:iv).

Oleh itu penggunaan bahan sastera di dalam pengajaran bahasa Melayu boleh meningkatkan kebolehan bahasa pelajar-pelajar khususnya dalam memperkayakan perbendaharaan kata (Koh, 1986:643; Povey, 1972:435), membina kemahiran bertutur yang lancar (Dakin, 1962:7; Vijaya, 1981:33), membaiki kemahiran menulis (Knapton, 1962:7), memupuk kepekaan terhadap penggunaan gaya bahasa yang halus dan indah (Jeniri Amir), (Koh, 1989:215) dan membuka jalan ke arah pemikiran yang kritis dan kreatif (Ismail Ahmad, 1982:23).

Dalam kajian ini, bahan sastera merujuk kepada petikan-petikan bahan berunsurkan kesusasteraan daripada akhbar dan majalah yang digunakan dalam buku teks dan oleh guru dengan tujuan untuk mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

## **Buku Teks/ Teks**

Menurut Abdullah Hassan (1987:119), buku teks ialah bahan bercetak, menurut sukanan pelajaran tertentu dan digunakan bagi sesuatu mata pelajaran untuk jangka masa tertentu. Kamaruddin Hussin (1986:225) pula mentakrifkan buku teks ialah buku-buku khusus untuk menyampaikan pengetahuan-pengetahuan tertentu dan disediakan oleh beberapa orang pengarang manakala Henry Guntur Tarigan (1986:13) mentakrifkan buku teks sebagai:

"... buku pelajaran dalam bidang studi tertentu, merupakan buku standard, disusun oleh para pakar dalam bidang itu dengan saranan-saranan pengajaran yang serasi dan mudah difahami oleh pemakainya."

Untuk menghasilkan teks yang bermutu, Mary M. Dupuis (1982) menyarankan agar penulis memberikan tumpuan kepada kriteria-kriteria yang berikut:

- "i) The materials should encourage active learning.
- ii) The materials selected should suit the need of individual students.
- iii) The materials should reflect student interest.
- iv) The materials should suit the curriculum in the school or district and are sensitive to the needs and attitudes in the community."

(Borhan Md. Zain: 1991)

Dalam kajian ini buku teks merujuk kepada buku teks bahasa Malaysia yang digunakan untuk tujuan analisis, iaitu buku teks terbitan DBP, SASBADI dan DELTA. Kadang-kadang perkataan buku teks digunakan dengan singkatan 'Teks'.